

Amalan 5S

a) Penerangan Ringkas

Amalan 5S pada asalnya merupakan amalan pengurusan yang dilaksanakan dalam sektor swasta seperti syarikat dan kilang di negara Jepun. Sejak tahun 1986 idea pengurusan pejabat daripada negara matahari terbit ini telah tersebar ke seluruh dunia termasuklah negara Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur. Daripada perkataan Jepun ianya telah disesuaikan pula dengan patah perkataan dalam Bahasa Malaysia iaitu Sisir (*Seiri*), Susun (*Seiton*), Sapu (*Seiso*), Seragam (*Seiketsu*) dan Sentiasa Amal (*Shitsuke*).

Kaedah Amalan 5S adalah menjadi salah satu pendekatan terbaik bagi mengubah persekitaran pejabat menjadi kemas, teratur dan kondusif yang berjaya dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JPN Negeri Sarawak di Kuching. Pelaksanaan Amalan 5S yang menyumbang kepada persekitaran berkualiti ini juga dapat melahirkan warga JPN yang bermotivasi, kreatif, inovatif dan berdaya saing untuk mencapai kecemerlangan.

Amalan ini bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti serta menjamin keselamatan dokumen, rekod individu dan peralatan secara berterusan.

JPN Kuching merupakan agensi pertama di Sarawak yang telah mendapat Sijil Amalan 5S. Pelaksanaan Amalan 5S di

JPN Kuching bermula pada tahun 2006. Jabatan komited untuk melaksanakan Amalan 5S kerana amalan ini merupakan teras kepada peningkatan kualiti jabatan secara berterusan atau *kaizen*. Menyedari pentingnya persekitaran berkualiti tersebut, Amalan 5S telah dijadikan agenda dalam Perancangan Strategik 2008 JPNM dan pelancaran secara rasmi pelaksanaan Amalan 5S telah dilakukan pada 28 Oktober 2008.

Pada tahun 2008, JPN Kuching telah diberi pengiktirafan oleh JPN Malaysia apabila dilantik sebagai penggerak bagi menjayakan pelaksanaan 5s secara *National Roll Out* ke JPN seluruh Malaysia dengan kerjasama Bahagian Penyelarasan Dasar dan Pemantauan, Ibu Pejabat, JPN Putrajaya. Semua ibu pejabat negeri JPN seluruh Malaysia termasuk semua bahagian di Ibu Pejabat, JPN Putrajaya diminta untuk merancang serta melaksanakan program 5S di negeri/bahagian masing-masing dan sasaran untuk mendapatkan persijilan 5S adalah pada akhir bulan April 2009. Bermula 14 Julai hingga 28 Ogos 2008, pasukan dari JPN Kuching telah berkunjung ke semua Ibu Pejabat negeri bagi pendedahan, ceramah dan bengkel dalam menjayakan *National Roll Out* Amalan 5S tersebut.

Pelaksanaan Amalan 5S telah memberi impak yang besar kepada jabatan dan kakitangan. Amalan 5S bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran pejabat tetapi juga kepada

aspek kualiti yang lain seperti kualiti kerja dan kualiti peribadi kakitangan. Impak pelaksanaan Amalan 5S ini dapat dipecahkan kepada 4 kategori utama iaitu:

- i) Persekitaran kondusif, berkualiti dan selamat. Amalan 5S telah menjadikan persekitaran pejabat yang lebih kondusif, selesa, ceria dan menarik. Ini maka akan memberi dorongan kepada anggota JPN merasa lebih seronok dan bersemangat untuk bekerja. Di samping itu, pelanggan dan pelawat yang berurusan di jabatan akan merasa selesa dan tenang apabila berada di pejabat. Amalan 5S juga telah menjadikan persekitaran pejabat yang lebih berkualiti dan selamat untuk kakitangan serta pelanggan. Ini berlaku apabila semua peralatan serta mesin berada di tempatnya, tersusun dan teratur di samping penyelenggaraan peralatan yang berkaitan keselamatan diselenggara dengan berjadual.

- ii) Mempercepatkan tugas. Peningkatan kualiti kerja ini merangkumi semua aspek kerja kakitangan terutamanya dalam mencapai sesuatu fail dan peralatan. Pengurangan masa capaian ini telah berjaya meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja kakitangan dan jabatan terutama dalam aspek pengurusan fail/doket dan capaian peralatan/alat tulis. Dengan menggunakan konsep di dalam Amalan 5S iaitu Seisi (Susun), pengurusan fail dan doket adalah lebih cekap, sistematik dan selamat.

- iii) Mengurangkan pembaziran. Amalan 5S yang telah dilaksanakan berjaya mengurangkan banyak pembaziran dalam jabatan seperti mengurangkan pembaziran masa dan mengurangkan pembaziran wang Jabatan dengan melaksanakan Amalan 5S pada Sistem Pengurusan Fail Jabatan. Ianya juga dapat mengurangkan pembaziran masa mencari dan kos penggantian fail/alat tulis/peralatan yang tidak dapat dikesan atau hilang.

- iv) Kakitangan berkualiti, kreatif dan cemerlang. Kesan-kesan sebelum ini iaitu persekitaran kondusif, berkualiti dan selamat, mempercepatkan tugas dan mengurangkan pembaziran turut memberi kesan besar kepada kakitangan. Amalan 5S telah berjaya menanam dan meningkatkan nilai-nilai positif di dalam diri kakitangan seperti bertanggungjawab, kreatif dan inovatif, berdisiplin, kerja berpasukan, bangga dengan jabatan dan sayang kepada jabatan. Ini adalah kerana Amalan 5S melibatkan semua kakitangan dan amalan ini sentiasa perlu diamalkan.

Pada keseluruhannya, sehingga akhir bulan Julai 2009, hampir kesemua Ibu Pejabat JPN Negeri telah memperoleh persijilan 5S. Maklumat pencapaian adalah seperti berikut:

Bil.	Bahagian/Negeri	Tarikh Persijilan Diperoleh
1.	JPN Kota Bharu, Kelantan	23 Mac 2009
2.	JPN Shah Alam Selangor	23 April 2009
3.	JPN Seremban, Negeri Sembilan	1 April 2009
4.	JPN Kuantan, Pahang	28 April 2009
5.	JPN Kangar, Perlis	15 April 2009
6.	JPN Johor Bharu, Johor	7 Mei 2009
7.	Bahagian-Bahagian Di Ibu Pejabat, JPN Putrajaya	27 Mei 2009
8.	JPN Kuching, Sarawak	25 Mei 2009 (Persijilan Ke-3)
9.	JPN Kuala Terengganu, Terengganu	10 Jun 2009
10.	JPN Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (Termasuk ke semua 6 cawangan)	11 Jun 2009
11.	JPN Kota Kinabalu, Sabah	25 Jun 2009
12.	JPN Ipoh, Perak	9 Jun 2009
13.	JPN Georgetown, Pulau Pinang	26 Jun 2009
14.	JPN Ayer Keroh, Melaka	Sasaran 9 September 2009
15.	JPN Alor Setar, Kedah	Sasaran awal September 2009

Bagi memastikan pelaksanaan amalan 5S ini dibuat secara berterusan, pihak pengurusan tertinggi JPN telah menetapkan

agar pelaksanaan amalan 5S ini dibuat secara berterusan dan menyeluruh bukan sahaja di peringkat JPN Ibu Negeri malah dipanjangkan juga hingga ke peringkat JPN Daerah/Cawangan.

Ke arah pelaksanaan amalan 5S secara berterusan, Jawatankuasa Pemandu/Induk 5S telah ditubuhkan di setiap Ibu Pejabat, JPN Negeri termasuklah di peringkat Ibu Pejabat, JPN Putrajaya. Pemantauan pelaksanaan 5S ke atas setiap Ibu Pejabat JPN Negeri sentiasa dibuat oleh Ibu Pejabat, JPN Putrajaya melalui mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan semua pengarah Bahagian mahupun Negeri.

Hasil daripada pelaksanaan dan persijilan yang telah diperolehi melalui amalan 5S di JPN ini, pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri malah Pihak Berkusa Tempatan (PBT) telah menjadikan JPN sebagai agensi yang dapat dicontohi dari aspek pelaksanaan 5S. Antara agensi yang dijadualkan akan mengadakan lawatan 5S ke JPN seperti Pejabat Majlis Daerah Marang, Terengganu, Jabatan Pertahanan Awam dan lain-lain agensi yang menyuarakan hasrat untuk mengadakan lawatan 5S ke JPN dan menjadikan JPN sebagai rakan penanda aras.

b) Pegawai Untuk Dihubungi

Nama: Puan Rene Harlene Drahman

Jawatan: Timbalan Pengarah

No. Telefon: 03-88807706

No Faks: 03-88807740

Emel: reneharlene@jpn.gov.my